

# **BAB 1**

## **Pengenalan**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Setelah hampir 46 tahun negara Malaysia mencapai kemerdekaan dari penjajahan British (pada tahun 1957), sistem pendidikan di negara ini turut mengalami pelbagai perubahan dan reformasi yang dinamik dan seiring dengan perkembangan dan pembangunan masyarakat, ekonomi dan juga kemajuan teknologi. Perubahan dalam sistem pendidikan adalah penting serta perlu untuk meningkatkan mutu pendidikan yang berkualiti dan cemerlang selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara (Hussein Mahmood, 1993). Justeru itu, semua pihak harus mengembling usaha dan tenaga bagi menjayakan hasrat Kementerian Pelajaran khususnya dan Kerajaan amnya dalam merealisasikan wawasan 2020.

Kini sistem pendidikan negara ini sentiasa berubah kerana bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang bukan sahaja berharmoni, berdikari dan bertanggung jawab, tetapi juga mempunyai akhlak yang mulia. Di samping itu rakyat Malaysia mestilah bijak, berilmu dan berkemahiran seperti mana yang tercatat di dalam Falsafah Pendidikan Negara. Sehubungan itu, Falsafah Pendidikan Negara (1989) menyatakan bahawa :

## **FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA**

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.*

### **1.1 Pendidikan Khas Untuk Kanak-Kanak Istimewa**

Sistem pendidikan pada masa ini juga dirancang dan diperkembangkan demi memenuhi keperluan kanak-kanak yang istimewa. Mereka adalah terdiri daripada golongan yang mengalami kecacatan dari segi fizikal atau mental, contohnya kanak-kanak yang buta, yang bermasalah pendengaran, spastik, *down syndrome*, autisme dan sebagainya, tetapi masih mampu menguruskan diri sendiri, boleh dididik dan berupaya mengikuti program pendidikan kebangsaan seperti warganegara Malaysia normal yang lain.

Dengan terlaksananya Falsafah Pendidikan Negara, Kementerian Pelajaran mempunyai halatuju bagi membentuk sistem pendidikan yang dapat menampung kanak-kanak istimewa ini supaya dapat melahirkan pelajar yang produktif dan berkemahiran demi kesejahteraan dan kemakmuran negara. Menyedari hakikat ini serta berasaskan dasar-dasar berikut, maka tercetuslah idea untuk mengadakan sistem pendidikan khas bagi pelajar-pelajar istimewa yang berkeperluan khas.

### 1.1.1 Dasar-Dasar Pendidikan Khas

Program untuk pendidikan khas di Malaysia dirancang berlandaskan perkara-perkara berikut :

- Akta Pendidikan 1996, Bab 8.
- Akta Pendidikan (pindaan) 2002.
- Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997.
- Keputusan Jawatankuasa Dasar, Kementerian Pelajaran Malaysia [Jawatankuasa Perancang Pendidikan (JPP), Mesyuarat Pengurusan Kementerian Pelajaran Malaysia, Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) dan Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Khas].
- Deklarasi Antarabangsa :
  - United Nations' World Programme of Action Concerning Disabled Persons (1983).
  - The World's Declaration on Education for All (1990).
  - The United Nations' Standard Rules on the Equalisation of Opportunities for Person With Disabilities (1993).
  - The Framework for Action on Special Needs Education (Salamanca Statement) 1994.
  - Biwako Millennium Framework for Action Towards an Inclusive Barrier-Free and Rights-Based Society for Persons with Disabilities in Asia and the Pacific (2002).

(Dipetik dari *Maklumat Pendidikan Khas*. Jabatan Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran, 2003 : 4.)

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Walaupun negara Malaysia telah mencatatkan kemajuan yang membanggakan di dalam pembangunan negara dalam masa yang pendek, dan walaupun kadar literasi (literacy rate) di Malaysia kini adalah hampir 93% dan dianggap satu-satunya yang paling tinggi di dunia (dalam *Education in Malaysia. A Journey To Excellence*, 2001 : 23), namun pihak yang bermasalah pendengaran pula tidak dapat merasai kejayaan yang setanding dengan apa yang disebutkan. Kajian dan pendapat dari masyarakat umum sering menunjukkan bahawa pencapaian dan taraf kehidupan yang diperolehi pihak yang kurang bernasib baik ini (bermasalah pendengaran) selama 46 tahun kemerdekaan jauh lebih rendah dan mengecewakan jika dibandingkan dengan apa yang dialami oleh rakan-rakan yang normal ataupun yang bermasalah penglihatan. Sehingga hari ini bilangan graduan yang bermasalah pendengaran itu kurang daripada 30 orang. Nombor yang tepat ialah 23 orang daripada 17,000 penduduk yang bermasalah pendengaran pada tahun 2002. Kajian tempatan yang dijalankan oleh Saleena Yahya Isa (1982) seperti yang dinyatakan oleh Hamzah (2002), menunjukkan bahawa sebanyak 80% kanak-kanak yang bermasalah pendengaran yang dipilih secara rawak menamatkan persekolahan selepas 12 hingga 13 tahun pengajian masih buta huruf lagi.

Kadar kelulusan di dalam peperiksaan kebangsaan seperti UPSR, PMR dan SPM di sekolah yang pernah pengkaji bertugas (Sekolah Rendah Pendidikan Khas Ipoh, Sekolah Menengah Pendidikan Khas Tengku Ampuan Durah, Seremban dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Jabi, Pokok Sena, Kedah) amatlah rendah, iaitu kurang daripada 5% pada keseluruhannya. Kegagalan dalam penguasaan mata pelajaran bahasa,

misalnya Bahasa Malaysia, adalah hampir 100%. Implikasi buruk akibat prestasi yang teruk ini menjejaskan peluang mereka dalam mencapai pendidikan tinggi, kerjaya, perkembangan emosi dan sosial yang sihat.

Kanak-kanak bermasalah pendengaran sering terpinggir dari masyarakat umum kerana komunikasi di antara dua pihak ini menjadi penghalang utama. Komunikasi yang berkesan hanya berlaku apabila sistem simbol yang digunakan untuk proses itu difahami dan diketahui oleh pihak-pihak yang terlibat. Akan tetapi orang awam kurang mahir dengan isyarat tangan yang digunakan oleh kanak-kanak yang bermasalah pendengaran. Tambahan pula mereka yang bermasalah pendengaran tidak boleh bercakap.

Sebagai kebiasaan, golongan yang berkenaan ini terus diajar isyarat tangan, yang menjadi 'bahasa' pertamanya. Cara ini merupakan jalan mudah. Apabila kebiasaan ini menjadi kekal, mereka tidak lagi berusaha untuk menukarnya kepada pertuturan yang boleh memudahkan komunikasi dengan orang normal. Walau bagaimana hebat pun bahasa isyarat disambut oleh orang yang bermasalah pendengaran, namun ia masih tidak dapat memainkan peranan setaraf dengan bahasa dan pertuturan yang digunakan oleh orang normal.

Mengikut Lokman Saim, Ketua Pensyarah di Jabatan Otorinaringologi, Fakulti Perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga pakar bedah pacakan koklear di Malaysia, semasa memberi pendapatnya di dalam surat khabar The Sun pada 19 Mac 2001, isyarat tangan kekurangan dalam kepelbagaian isyarat yang boleh menggambarkan perasaan, intelek dan pendapat seseorang, dengan erti kata lain benda-

benda yang abstrak. Contohnya hanya terdapat satu isyarat tangan sahaja untuk istilah-istilah seperti 'siap', 'sudah', 'selesai', dan 'habis'.

Tambah beliau lagi, “ *...this is not an optimum method for a human being especially in the era of Information Technology (IT) and computers, as he/she might be left behind.*” “*... it is time for Malaysians to change their mind-set about sign language...sign language is for day to day communication, but expressions of feelings, intelligence and opinions are limited.*” (SunViva, halaman 7, 19 Mac 2001.)

Di Malaysia pemilihan kaedah-kaedah dalam pengajaran bahasa kepada kanak-kanak cacat pendengaran bergantung kepada perubahan yang berlaku di negara-negara Barat, khususnya di Amerika dan di England (Mohd Omar Hashim, 1982) (Dipetik dari Abdul Rahim Razalli. Kertas kerja Kursus Pendedahan Pendidikan Khas Peringkat Negeri Perak, 24-28 Julai 2000). Selama ini usaha oleh Kementerian Pelajaran dalam menangani masalah kaedah pengajaran bahasa tidak pernah berhenti, namun setiap percubaan yang telah dilaksanakan itu gagal, kerana masalah yang wujud itu memang rumit.

Dari aplikasi 'oralisme' di zaman 50-an dan 60-an, ke 'total communication' pada 70-an, dan ke 'bahasa isyarat' pada 80-an, golongan yang bermasalah pendengaran di Malaysia belum lagi berjaya menguasai bahasa, yang merupai dasar untuk penguasaan semua mata pelajaran akademik yang lain dan juga komponen penting untuk komunikasi yang berkesan dengan orang normal. Langkah-langkah untuk penguasaan bahasa bagi golongan bermasalah pendengaran masih dicari. Salah satu

daripada masalah yang penting ialah kekurangan pakar audiologi dan pertuturan di negara ini. Mengikut laporan surat khabar Utusan Malaysia pada 31 Oktober 1997, hanya terdapat tiga audiologis dan 16 ahli terapi pertuturan di Malaysia pada masa itu, sedangkan jumlah yang diperlukan masing-masing ialah 400 dan 2000. Hanya terdapat tiga orang jurupulih pertuturan dilantik oleh Jabatan Pendidikan Malaysia sebagai pelopor berkhidmat di sekolah pendidikan khas bermasalah pendengaran pada tahun 2000.

Berikut ialah pendapat daripada Timbalan Pengerusi Persatuan Orang Pekak di Malaysia, Tan Chin Guan, yang telah disiarkan di surat khabar, The Star, pada 2 Disember 2000 dan juga di laman web.

*“...Neither MCE (Manually Coded English) nor BMKT (Bahasa Malaysia Kod tangan) has had much success. Nevertheless, deaf children have an essential right to acquire their native verbal language, because lack of competence in this language deprives them of their cultural heritage and ethnicity. Furthermore, it will also retard their intellectual development, impede their education, restrict their avenues for gainful employment, confine them to membership in a social minority and prevent them from attaining the same quality of life as their hearing peers. Consequently, while it is desirable for deaf children to learn the sign language of their local deaf community, it is essential that their first language should be the verbal language of their native land. Hence, in all intervention programs, target language has always been the native verbal language of the deaf children...”*

(<http://www.mfd.org.my>. 12 Mei 2001)

Begitulah hasrat seseorang yang bonafida mewakili golongan yang sama-sama memikul bebanan perasaan dan nasib yang malang kerana kehilangan keupayaan mendengar dan bercakap. Sudah sampai masanya pandangan dan cadangan yang

dibentangkan di atas diberi perhatian yang serius. Penekanan beliau terhadap kebolehan bertutur dalam bahasa ibunda bagi individu yang bermasalah pendengaran memang tepat.

Lantaran itu satu kajian terperinci harus diadakan semata-mata untuk meninjau dan mencari penyelesaian supaya mengatasi kelemahan dalam bahasa dan pertuturan di kalangan murid yang bermasalah pendengaran. Kajian ini amatlah bermakna bagi mereka yang mempunyai saki-baki pendengaran yang boleh dimanfaatkan dengan penggunaan alat bantu mendengar atau pacakan koklear. Mengikut Romanik (1990) kanak-kanak yang mempunyai sisa pendengaran boleh belajar dan mengembangkan bahasa sama seperti kanak-kanak normal jika sisa pendengaran dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.


### 1.3 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini mengubah prinsip-prinsip *behavior modification* yang berandaian bahawa individu yang bermasalah pendengaran masih boleh menguasai bahasa dan pertuturan, sekiranya kecacatannya tidak teruk sangat atau pun tenat dan penggunaan alat pendengaran serta intervensi pertuturan dan pendengaran diadakan pada peringkat awal kanak-kanak lagi (Ling, 1886; Romanik, 1990, dipetik dari Hamzah Osman, 2002). Bila mereka didedahkan kepada intervensi awal pertuturan dan pendengaran (Auditory-verbal Therapy), sudah pasti terdapat perubahan dari segi penguasaan bahasa, pertuturan dan pendengaran. Program intervensi yang dijalankan



oleh pengkaji kepada empat orang murid bermasalah pendengaran sebanyak 16 kali dalam sebulan ditunjukkan di dalam kerangka konseptual kajian yang di bawah.

Jadual 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian



Dalam masa sebulan, pengkaji, ahli keluarga, jurupulih pertuturan dan guru mata pelajaran Bahasa Malaysia akan bertemu dan berganding bahu memberi latihan pertuturan dan pendengaran selama sejam kepada 4 orang murid/subjek yang terpilih itu sebanyak 4 kali seminggu. Pengkaji merancang supaya intervensi perseorangan (*one-to-one interaction*) (Ling, 1989 : 204) yang sesuai (*individualiaized treatment plan*) (Estabrooks, 1994 : 8) dengan latar belakang serta kadar kemajuan yang berlainan setiap subjek itu dijalankan. Ibu bapa dibimbing supaya mengadakan aktiviti pengkayaan dan pengukuhan 'carryover' di rumah sebagai sambungan aktiviti di sesi intervensi supaya 'transfer' dan pembiasaan/pelaziman (*generalization*) (Estabrooks, 1994 : 17) berlaku kepada setiap subjek itu.

Fonem / b /, / m /, / l /, / h /, / s /, dan / tʃ / dipilih sebagai sasaran dalam kajian ini. Fonem tersebut mewakili 6 cara sebutan dalam Bahasa Malaysia yang diklasifikasikan oleh Farid M. Onn (1980). Huraian yang lebih mendalam berkenaan dengan fonem-fonem Bahasa Malaysia boleh didapati di muka surat 16 hingga 21 di bab ini kemudian.

Pemeriksaan alat pendengaran diambil pada permulaan setiap sesi intervensi. Lepas itu latihan pernafasan dan vokalisasi diadakan. Seterusnya latihan mendengar yang berperingkat-peringkat dijalankan. Ia melibatkan penggunaan CD 'Sebutlah Sayang' yang mempunyai stimulasi *visual* (tayangan gambar bergerak disertai huruf atau perkataan) serta auditori (melalui *headphones*). Subjek dikehendaki meniru atau mengajuk (*imitate*) bunyi, mengenal pasti atau mengesan (*identify*) punca bunyi atau membezakan (*discriminate*) bunyi dengan merujuk kepada gambar yang diberi (contohnya : menunjukkan gambar anjing apabila mendengar salakan). Pada peringkat awal *headphones* dibenarkan. Lepas beberapa sesi intervensi, subjek mesti mendengar melalui alat pendengarannya. Input akustik pun berubah dari penggunaan *auditory trainer* yang menghasilkan bunyi kuat yang konsisten ke suara manusia yang mungkin berbeza-beza kerana suara setiap orang memang berlainan kekuatan dan frekuensi dan keadaan sekeliling akan berubah dari yang sunyi kepada yang bising (*with background noise*). Ini merupakan tujuan mutakhir dalam intervensi pendengaran untuk murid berkenaan agar mereka dapat menggunakan alat pendengaran mereka secara optimumnya dalam kehidupan mereka sepanjang masa.

Aktiviti pendengaran diikuti oleh latihan artikulasi. Pengkaji memperkenalkan fonem-fonem / b /, / m /, dan / l / melalui berbagai latihan dan pendekatan seperti yang

diterangkan di muka surat 95-102 sehingga dapat disebut dan dikuasai oleh keempat-empat subjek. Aktiviti pengkayaan untuk setiap fonem juga mengikut lima peringkat yang dijelaskan dengan teliti di muka surat 95-102 di Bab 3.

Ujian artikulasi yang diambil dua kali dalam kajian ini serta aktiviti penglibatan ibu bapa dan guru boleh dijumpa di muka surat 103 dan 104 di Bab 3 juga.

#### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pendengaran dan pertuturan murid-murid bermasalah pendengaran. Satu sebab yang utama untuk menguasai kemahiran-kemahiran tersebut ialah kanak-kanak bermasalah pendengaran ini perlu berinteraksi dengan masyarakat normal. Sebab kedua ialah ada di antara kanak-kanak ini mempunyai saki baki pendengaran (*residual hearing*) yang boleh dimanfaatkan dengan kegunaan alat bantu dengar yang baik (Romanik, 1990). Sebab ketiga ialah perubahan teknologi yang sentiasa membaiki mutu alat bantu dengar supaya memberi peluang kepada kanak-kanak demikian mendengar dan bertutur dengan berjaya (The Star, 8 Jan 2001). Secara lebih khusus kajian ini mempunyai empat objektif kajian, iaitu :

- (i) Untuk menilai kefungsi-an alat bantu dengar yang digunakan oleh murid cacat pendengaran.
- (ii) Untuk mengenal pasti kemahiran mendengar di kalangan murid bermasalah pendengaran.

- (iii) Untuk menentukan kebolehan murid bermasalah pendengaran mengesan, mengenal, mengajuk dan membezakan bunyi yang didengar.
- (iv) Untuk menguji keberkesanan intervensi pendengaran dan pertuturan di kalangan murid bermasalah pendengaran supaya mereka boleh menyebut sasaran fonem /b /, / m /, / l /, / h /, / s / dan / tʃ / itu dalam bentuk perkataan selepas sebulan.

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kejayaan '*Auditory Oral Education*'(AOE) atau '*Auditory Verbal Therapy*'(AVT) yang diperolehi di negara-negara barat yang mempraktikkannya (Sunday Star, 28 Ogos 1994) memberi keyakinan kepada pengkaji dan diharapkan hasil kajian ini dapat memberi sumbangan dan kesedaran yang positif kepada ahli keluarga murid-murid bermasalah pendengaran dan juga inspirasi kepada guru-guru yang mengajar di sekolah berkenaan.

Menurut Kartini Ahmad (New Straits Times, 3 Ogos 1995), pensyarah dan penyelaras Program Pertuturan di Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, masalah pendengaran akan menjejaskan bahasa seseorang individu. Mengikut beliau, bahasa berkembang dengan begitu pantas pada peringkat awal seseorang kanak-kanak yang terdedah kepada input audio, saluran yang paling sesuai untuk kanak-kanak normal belajar pertuturan dan menguasai bahasanya. Jikalau terdapat masalah pada pendengarannya, ini bermakna penguasaan bahasa ibunda seseorang kanak-kanak itu akan terganggu. Sekiranya usaha dilakukan dengan secepat mungkin (dengan

penggunaan alat bantu dengar yang sesuai bersama dengan adanya intervensi pendengaran dan pertuturan), kesan yang negatif itu boleh dikurangkan ataupun dielakkan. Kesedaran kenyataan ini serta tindakan yang segera dan tepat membawa makna yang besar kepada kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran.

Adalah tidak bijak jikalau ibu bapa yang berkenaan hanya bersikap tunggu dan lihat sahaja (*wait and see attitude*) apabila mendapat anak yang menghadapi masalah pendengaran dan mengharapkan masalah itu akan hilang bila anaknya membesar nanti. Setengah ibu bapa pula menganggap masalah itu harus ditangani oleh pakar perubatan atau pihak sekolah apabila sampai masa persekolahan untuk anaknya.

Sebenarnya ibu bapa berkenaan mesti memainkan peranan yang proaktif untuk mencari rawatan dan pertolongan pakar serta pemilihan alat bantu dengar dan lain-lain intervensi awal untuk anaknya tanpa membuang masa. Atas kesedaran ini diharapkan pihak ibu bapa yang selama ini pasif dalam pengendalian masalah anak-anak yang kurang bernasib baik itu dapat mengubah sikap dan menyumbangkan tenaga mereka demi kebaikan dan masa depan anak-anaknya. Sememangnya kejayaan terjamin apabila penggunaan alat bantu mendengar dan intervensi awal pertuturan dan pendengaran diberikan berterusan setiap hari oleh ahli keluarga kepada anaknya bersama sepasukan yang terdiri daripada jurupulih pertuturan, guru dan ahli masyarakat yang berdedikasi. Kejayaan sedemikian dapat dilihat di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Eropah, Chile, Turkey, Singapura dan Australia yang mengamalkan intervensi awal pertuturan dan pendengaran (*auditory-verbal therapy*) kepada kanak-kanak bermasalah

pendengaran yang tidak tenat itu. (*No More The Sound Of Silence*, Sunday Star, 28 Ogos 1994).

## 1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya dijalankan di sebuah sekolah rendah pendidikan khas di Alor Setar, Kedah yang melibatkan seramai 4 orang murid Melayu yang bermasalah pendengaran. Kajian ini tidak dapat melibatkan bilangan murid yang lebih besar kerana kekangan masa, jarak antara rumah dan sekolah dan kekurangan calon yang sesuai kerana ramai murid yang lain tidak mempunyai alat pendengaran atau alat pendengarannya tidak berfungsi. Tambahan pula masalah untuk mendapat penglibatan dan kerjasama daripada ibu bapa menyebabkan bilangan subjek kajian ini yang kecil. Kesesuaian subjek-subjek ini adalah seperti berikut :

- Umur keempat-empat murid ini adalah sama, iaitu 8 tahun pada 1 Januari 2002. Murid yang lebih tua tidak terpilih kerana rangsangan atau motivasi untuk belajar bertutur mungkin kurang kerana dicabar oleh rintangan dari kerja sekolah yang bertambah berat dan tabiat (*habits*) yang lama itu (berisyarat tangan semasa berkomunikasi) menyebabkan mereka susah hendak mengubah (digantikan dengan bertutur untuk berkomunikasi) tabiatnya.
- Kesemua subjek memakai alat pendengaran berfungsi serta tinggal bersama ahli keluarga. Kedua-dua kriteria ini penting dalam terapi pertuturan dan pendengaran.

- Kajian ini menumpukan perhatian kepada aspek artikulasi (lebih tepat lagi ialah aspek sebutan bunyi sahaja) dan pendengaran sahaja. Aspek lain seperti faktor *suprasegmental*, koartikulasi dan ciri-ciri bahasa (semantik, sintaksis dan pragmatik) tidak dapat dipertimbangkan di sini.
- Dapatan dari kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada kumpulan lain yang bermasalah pendengaran juga tetapi mempunyai bahasa ibunda (bukan Bahasa Melayu), latar belakang atau persekitaran, tahap ambang (*hearing treshold*), alat pendengaran yang tidak sama serta sebab-sebab lain (lain pembolehubah) yang tidak dapat diramal dan dikawal di sini.

## 1.7 DEFINISI OPERASI

Berikut ialah beberapa istilah dan definisi yang ada kaitan dengan tajuk kepekakan, pendengaran, pertuturan, program intervensi, bahasa dan sebagainya.

### 1.7.1 Definisi Kepekakan

Seseorang itu pekak apabila pendengarannya terlalu teruk sehingga menghalangnya menerima maklumat linguistik/rangsangan bunyi melalui pendengaran, sama ada tanpa amplifikasi atau sebaliknya (*National Information Center For Handicapped Children And Youth, 1983*). (Kertas kerja Kursus Pendedahan Pendidikan Khas, Anjuran Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Khas Kedah, 2-4 Julai, 2001).

### 1.7.1.1 Kurang Upaya Pendengaran

Individu yang kurang upaya pendengaran sehingga mereka memerlukan adaptasi yang khusus. Mereka dapat bertindak balas terhadap pertuturan dan rangsangan auditori. Kemahiran berbahasa dan pertuturan mungkin berkembang lambat atau tidak sempurna tetapi mereka masih dapat memanfaatkan saki-baki pendengaran dengan bantuan alat bantu dengar (Heward & Orlansky, 1984). (Kertas kerja Kursus Pendedahan Pendidikan Khas, Anjuran Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Khas, 2-4 Julai 2001.)

### 1.7.2 Program Pendengaran dan Pertuturan

Program pendengaran dan pertuturan adalah satu intervensi jangka masa panjang yang mengandungi aktiviti-aktiviti bertujuan meningkatkan kemahiran-kemahiran mendengar dan bertutur untuk individu bermasalah pendengaran (Estabrooks, 1994).

### 1.7.3 Fonem

Bagi kebanyakan pakar fonologi, fonem ialah unit terkecil. Ia adalah satuan terkecil yang membezakan makna. Contohnya **bata** dan **mata**. Di sini / b / dan / m / dianggap fonem kerana kedudukan mereka memberi makna yang berlainan untuk kedua-dua perkataan itu. Dan dalam Bahasa Inggeris / a / adalah unit terkecil yang membawa makna 'satu'. Ada fonologis yang berpendapat bahawa fonem boleh dipecahkan kepada



unit-unit lebih kecil yang dipanggil ciri-ciri pembeza (*distinctive features*). Semua vokal dan konsonan yang ada pada inventori sebutan bahasa-bahasa yang wujud di dunia ditunjukkan di dalam carta *International Phonetic Alphabets* (IPA).

#### 1.7.4 IPA (*International Phonetic Alphabets*)

IPA ialah carta yang disediakan untuk mengklasifikasikan semua bunyi-bunyi pertuturan untuk bahasa-bahasa yang wujud di dunia dengan simbol-simbol yang tertentu. Simbol-simbol yang diklasifikasikan itu adalah berdasarkan cara dan tempat penghasilan sesuatu sebutan. Misalannya fonem / b / adalah letupan yang dihasilkan di bibir. Salinan IPA boleh didapati di lampiran I.

IPA terdiri dari 2 carta, iaitu carta konsonan dan carta vokal. *General American English* terdapat 14 vokal dan 24 konsonan (*Speech Chain*, Peter B. Denes dan Elliot N. Pinson, 1993 : 12), Bahasa Melayu (BM) pula ada 24 konsonan (19 konsonan primer dan 15 konsonan sekunder) dan 6 vokal tulen, menurut Pitsamai Intarachat (1987 : 6-9).

#### 1.7.5 Vokal

Vokal merupakan nukleus bagi sesuatu suku kata dalam Bahasa Malaysia (BM) sama ada dalam suku kata terbuka atau suku kata tertutup. Misalan vokal [u] dalam perkataan [yu] yang merupakan suku kata terbuka dan [a] dalam perkataan [kad] yang

merupakan suku kata tertutup. Mengikut Pitsamai Intarachat (1987 : 6), terdapat dua vokal depan, dua vokal tengah, dan dua vokal belakang dalam BM. Istilah seperti depan, tengah, dan belakang merujuk kepada kedudukan lidah di dalam mulut semasa sesuatu vokal dihasilkan. Rajah 1.1 adalah '*quadrilateral*' yang mengandungi semua vokal yang terkandung dalam Bahasa Malaysia. Vokal ini dikenali juga sebagai '*Monophthongs or single vowels*' atau pun vokal tulen. Contohnya ialah [a], [e], [i], [o], [u], [ə].

#### 1.7.5.1 Diftong

Diftong merupakan gabungan dua vokal tulen yang wujud dalam sesuatu bahasa. Untuk Bahasa Malaysia didapati hanya ada tiga diftong sahaja. Antaranya iailah [au], [ai], dan [oi]. Contoh-contoh perkataan yang mempunyai diftong tersebut ialah seperti berikut:

[au]-[pulau]; [daulat]

[ai]-[sungai]; [ais]

[oi]-[baloi];

#### 1.7.6 Konsonan

Terdapat dua jenis konsonan yang wujud dalam BM, antaranya ialah konsonan primer (*primary consonants*) dan konsonan sekunder (*secondary consonants*), mengikut M. Yunus Maris (1980). Beliau menghuraikan konsonan primer sebagai konsonan-

konsonan yang bukan diperkenalkan akhir-akhir ini ke dalam sistem sebutan bahasa Melayu, malahan telah wujud lama dalam sistem sebutan Bahasa Melayu. Konsonan-konsonan ini digunakan secara tetap tanpa perubahan dalam bahasa, dan bila dituturkan oleh penutur asli, konsonan-konsonan ini diperlihatkan ketetapan dari segi cara artikulasi dan daerah artikulasi.

Konsonan sekunder pula merupakan konsonan pinjaman yang baru masuk ke dalam sistem sebutan Bahasa Melayu. Konsonan tersebut agak jarang digunakan dan bilangannya pun dalam jumlah yang kecil kata-kata pinjaman sahaja (Pitsamai Intarachat, 1987 : 9).

Jadual 1.2 dan 1.3 berikut menunjukkan 24 konsonan terkandung dalam BM yang diklasifikasikan mengikut Farid M. Onn (1980 : 5), berdasarkan cara sebutannya sahaja. Konsonan-konsonan yang dimaksudkan adalah seperti :

6 hentian :-- / p, b, t, d, k, g, /

4 sengauan :-- / m, n, ŋ, ŋ̃ /

2 letusan :-- / c, j /

3 separuh Vokal :-- / w, y, h /

1 geseran :-- / s /


2 getaran :-- / l, r /

Jadual 1.2 : Carta Konsonan-konsonan Primer

Daerah Cara	Dua bibir	Gusi	Lelangit keras Gusi	Lelangit keras	Lelangit lembut	Glotis
Hentian	p b	t d			k g	ʔ
Sengau	m	n		ŋ	ŋ	
Geseran			s z			h
Letusan			tʃ dʒ			
Sisian/Getaran		l r				
Separuh Vokal	w			y		

Jadual 1.3 : Carta Konsonan-konsonan Sekunder

Daerah artikulasi Cara artikulasi	Bibir Gigi	Gigi	Gusi	Lelangit keras	Lelangit lembut
Geseran	f v		s z		X R



Rajah 1.1 : Carta Vokal-vokal Bahasa Melayu

### 1.7.7 Ujian Artikulasi Goldman-Fristoe (*Goldman-Fristoe Test of Articulation*)

Ujian ini dihasilkan oleh Ronald Goldman dan Macalyn Fristoe pada tahun 1986. Tujuannya ialah semata-mata untuk menguji artikulasi vokal dan konsonan yang berada di awal, tengah dan hujung sesuatu sukukata atau perkataan. Lain-lain ujian yang standard adalah seperti *Arizona Articulation Proficiency Scale* (Fudala & Reynolds, 1986), *Fisher-Logemann Test of Articulation Competence* (Fisher & Logemann, 1971), *Photo Articulation Test* (Pendergest, Dickey, Selmar, & Sudar, 1984), dan *Templin-Darley Test of Articulation* (Templin & Darley, 1969) (Dipetik dari Shipley, K. G. dan McAfee, J. G., 1992 : 132).

### 1.7.8 Teori-Teori Penghasilan Pertuturan Bayi

Terdapat 4 teori yang dihuraikan oleh Ferguson dan Garnica (1975) (Creaghead, N. 1989 : 37-40; Bernthal, J dan Bankson, N. 1981 : 62-64) tentang keupayaan seseorang bayi menghasilkan bunyi-bunyi bahasa yang didengar di sekelilingnya.

Namun tiada satu teori yang dapat membuat penerangan yang memuaskan dan tepat. Di sini dimuatkan lima teori berkaitan, iaitu :

(a) *Behavioral Theories* (Mowrer, 1952; 1960; Olmsted, 1971) adalah sama dengan *learning theory* pada dasarnya, yang mengatakan bahawa kanak-kanak dapat penguasaan sebutan bunyi melalui *imitation* (pengajukan) dari bunyi-bunyi yang didengar di persekitarannya serta mendapat ganjaran daripada penjaga berkenaan dengan bunyi yang dibuat dan juga dirinya sendiri (*primary, secondary and self-reinforcement*). Penguasaan fonologi kanak-kanak juga dipengaruhi oleh kekerapan bunyi bahasa oleh orang dewasa yang ada di persekitaran kanak-kanak serta kesenangan persepsi bunyi itu, tambah Olmsted lagi. (Bernthal, J. dan Bankson, N., 1981 : 62).

(b) *Structural Theories* (Jakobson, 1941; 1968; 1971; Chomsky and Halle, 1968; Moskowitz, 1971) mengatakan pula tentang satu turutan bunyi sejagat dan semula jadi (*innate and universal order of sound development*) (Creaghead N., 1989:38) yang terdapat pada setiap orang kanak-kanak walaupun umur penguasaan untuk setiap kanak-kanak itu mungkin berbeza. Berikut ialah rajah yang menunjukkan vokal-vokal dan konsonan-konsonan yang menjadi turutan sejagat, mengikut Jakobson.

---

Peringkat I	Vokal /a/		Konsonan /b/			
Peringkat II			Mulut /b/		Hidung /m/	
Peringkat III	Tinggi depan /i/	Tinggi belakang /u/				
	Rendah tengah /a/					
Peringkat IV			Dua Bibir /b/	Gusi /d/	Dua Bibir /m/	Gusi /n/
Peringkat V			Hentian /d/	Geseran /s/		

---

Rajah 1.2 : Turutan Konsonan Dan Vokal Mengikut Jakobson

(c) *Natural Theory* (Stampe 1969; Donegan and Stampe, 1978) juga membawa pendapat bahawa kanak-kanak mempunyai satu proses fonologi yang ringkas yang akan dibentuk dan diubah suai supaya berkembang menyerupai sistem orang dewasa. Oleh kerana alat pertuturan yang kurang matang dan sempurna, kanak-kanak sering *simplify* hasil sebutannya.

(d) *Prosodic Theory* (Waterson, 1971) tidak menyokong sistem atau proses semula jadi yang sedia ada dalam minda bayi. Teori ini sama dengan teori 'Behavioral' pada dasarnya. Kedua-duanya memberi penekanan kepada alam sekitar sebagai pengaruh utama dalam pembentukan sebutan bahasa seseorang bayi. Teori ini mengatakan bahawa kanak-kanak cuba mengajuk prosodi dan intonasi pertuturan orang dewasa, dan bukan bunyi-bunyi fonem yang lebih kecil itu. Ferguson (1978) bersetuju dengan teori ini

dalam aspek perkembangan yang berbeza-beza di antara kanak-kanak semasa penghasilan pertuturan.

(e) *Interactionist-Discovery Theory* (Kiparsky dan Menn, 1977; Menn 1980) bersama Waterson dalam penerangannya bahawa kanak-kanak belajar perkataan seluruh, dan bukan fonem individu atau peraturan fonologi. Dalam proses pembelajaran, kanak-kanak banyak mencuba dan mempelajari melalui kesilapan (*process of trial and error*). Teori ini mengatakan bahawa kanak-kanak bukanlah merupakan pelajar yang pasif, atau mereka boleh dipaksa untuk mempelajari sesuatu sebutan atau peraturan fonologi begitu sahaja oleh orang lain. Sebaliknya kanak-kanak akan menentukan peraturan atau sebutan tersendiri seperti dalam proses *overgeneralization* di mana perkataan-perkataan seperti *goed* atau *drinked* dalam Bahasa Inggeris adalah contoh *overgeneralization* yang dimaksudkan.

(Dipetik dari Creaghead, Newman dan Secord, 1989.)